



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 5542

Ruj. Kami : KKM.600-27/18/6 JLD 5 (16)
Tarikh : 2 Oktober 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin Paduka /Datin/
Tuan/ Puan,*

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 17 /2023 : GARIS PANDUAN *LEAN OPERATIONAL AND SUSTAINABILITY GUIDELINE* 2023

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan *Lean Operational and Sustainability Guideline* tahun 2023. Panduan ini menggariskan perkara yang perlu dilaksanakan dan diambil perhatian oleh setiap Jabatan Kesihatan Negeri dan juga fasiliti kesihatan yang melaksanakan inisiatif Lean Healthcare.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Inisiatif Lean Healthcare dilaksanakan di hospital-hospital KKM dengan tujuan untuk menangani isu masa menunggu yang lama serta kesesakan di fasiliti-fasiliti KKM. Ini seterusnya dapat

memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dapat dilaksanakan dengan efisien, selamat dan berkualiti.

2.2 Susulan daripada keberkesanan inisiatif Lean Healthcare di hospital-hospital KKM, inisiatif ini telah diperluaskan kepada Program lain termasuk Program Kesihatan Awam, Program Kesihatan Pergigian, Program Farmasi, serta Program Keselamatan & Kualiti Makanan.

2.3 Menginjak kepada sedekad pelaksanaan inisiatif ini, KKM telah **menggariskan beberapa strategi** bagi memastikan kelestariannya, termasuk;

- i. Struktur tadbir urus inisiatif Lean di peringkat Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri (yang merangkumi pelbagai bahagian) dan fasiliti kesihatan,
- ii. Lean Sustainability Model yang berpaksikan kepada *State Lean Flying Squad* di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri. Ia bertujuan untuk merancang, melaksanakan, memantau inisiatif Lean rentas jabatan di peringkat negeri,
- iii. Modul Latihan terancang bagi pembangunan kapasiti pengamal Lean, termasuk pengiktirafan Lean Six Sigma,
- iv. Modul Latihan Lean for Leaders bagi ketua jabatan dan pengurusan tertinggi,
- v. Pemantauan aliran pesakit di fasiliti kesihatan secara menyeluruh dengan *key performance indicator* (KPI) – *Bed Waiting Time (BWT) less than 240 minutes*,
- vi. Lean Center of Excellence di Institut Pengurusan Kesihatan.

2.4 Selain daripada pengukuhan pelaksanaan secara berterusan dalam menangani isu waktu menunggu yang panjang dan kesesakan di hospital, adalah digalakkan mana-mana Jabatan/Unit sama ada klinikal/ bukan klinikal, di Bahagian di Ibu Pejabat/Jabatan Kesihatan Negeri/Hospital/Klinik Kesihatan untuk menggunakan kaedah Lean dalam memudahkan proses kerja agar lebih efisien. Semua fasiliti kesihatan wajar mengenal pasti proses kerja yang bersesuaian untuk ditambah baik melalui kaedah Lean, dan merujuk kepada garis panduan yang diedarkan bagi pelaksanaan dan pemantauan yang berkesan.

3. GARIS PANDUAN LEAN OPERATIONAL AND SUSTAINABILITY GUIDELINE 2023

3.1 *Lean Operational and Sustainability Guideline* ini adalah merupakan edisi kedua garis panduan pelaksanaan Lean Healthcare di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah diterbitkan pada tahun 2014.

3.2 Objektif utama garis panduan ini adalah bagi memberikan panduan untuk semua pegawai yang terlibat dalam mengenalpasti, merancang, membangun, melaksana dan menilai inisiatif Lean mengikut keperluan fasiliti masing-masing. Di samping itu, ia juga diterbitkan untuk membantu pegawai yang bertanggungjawab memantau, mempertingkatkan dan memastikan kualiti serta kelestarian inisiatif ini.

4. TANGGUNGJAWAB

4.1 Pengarah Kesihatan Negeri akan bertanggungjawab untuk memantau perlaksanaannya di peringkat negeri.

4.2 Ketua Pusat Tanggungjawab/Pengarah Hospital adalah bertanggungjawab untuk memastikan setiap jabatan/unit yang melaksanakan Lean mematuhi garis panduan ini.

5. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan *Lean Operational and Sustainability Guideline 2023* hendaklah dikemukakan ke alamat :

Pengarah,
Bahagian Perkembangan Perubatan,
Unit Perkhidmatan Pengurusan Hospital,
Aras 5, Blok E1, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Kementerian Kesihatan Malaysia,
62590 Putrajaya
Tel : 0388831178

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)

s.k Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan(Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

Pengarah Kanan Program Kesihatan Pergigian

Pengarah Kanan Program Farmasi

Pengarah Kanan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

SENARAI EDARAN

IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Setiausaha Kanan Bahagian Pembangunan
2. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
3. Setiausaha Bahagian Kewangan
4. Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
5. Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
6. Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
7. Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
8. Pengarah Bahagian Perancangan
9. Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
10. Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
11. Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat
12. Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa
13. Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
14. Setiausaha Bahagian Akaun
15. Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
16. Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu

17. Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
18. Pengarah Bahagian Pemakanan
19. Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
20. Pengarah Bahagian Kejururawatan
21. Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
22. Pengarah Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan

JABATAN KESIHATAN NEGERI

1. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
4. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
6. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
7. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
11. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
12. Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

13. Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
14. Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

INSTITUSI KESIHATAN

1. Pengarah Hospital Kuala Lumpur
2. Pengarah Institut Kanser Negara
3. Pengarah Pusat Darah Negara
4. Pengarah Institut Kesihatan Umum
5. Pengarah Institut Pengurusan Kesihatan
6. Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan
7. Pengarah Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan
8. Pengarah Institut Perubatan Respiratori
9. Pengarah Institut Penyelidikan Tingkahlaku Kesihatan